

29 MAY 2003

Sarawak-Gawai/I

TIMBALAN AGONG AKAN RASMI HARI TERBUKA GAWAI DAYAK

SIBU, 29 Mei (Bernama ) -- Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin akan merasmikan perayaan Hari Terbuka Gawai Dayak peringkat nasional di sini pada 14 Jun.

Menteri Pembangunan Sosial dan Perbandaran Datuk Seri Dr James Masing memberitahu sidang media di sini hari ini bahawa program berwarna-warni itu akan bermula dari pukul 8 hingga 12 malam di dataran bandar itu.

Yang di-Pertua Negeri Tun Abang Muhammad Salahuddin dan isteri, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad and Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud dijadual turut hadir pada majlis itu.

Dr Masing berkata kira-kira 100,000 orang dijangka hadir pada majlis rumah terbuka itu yang akan disiarkan secara langsung oleh RTM mulai pukul 9 malam.

"Perayaan itu dapat menyatupadukan rakyat Malaysia serta dapat memahami kebudayaan kaum etnik lain di negara ini. Majlis itu akan memaparkan aktiviti kebudayaan kaum Iban, Bidayuh dan Orang Ulu," katanya.

Sementara itu, Menteri Pelancongan Negeri Datuk Seri Abang Johari Tun Openg, yang turut hadir pada majlis itu, berkata kira-kira 150 wartawan, penulis pelancongan dan krew televisyen dari seluruh dunia akan membuat liputan majlis itu.

Di samping pertunjukan bunga api, kumpulan lawak jenaka terkenal, Senario, penyanyi Siti Sarah, Mami Jarum dan kumpulan kebudayaan dari Yayasan Kebudayaan Dayak dan Perkampungan Budaya Sarawak akan turut membuat persembahan pada malam itu.

-- BERNAMA

ESS DC RON